



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	1/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			



BATU landak menjadi rebutan ramai kerana ia dipercayai berupaya melegakan pelbagai penyakit.

'Geliga landak' jadi buruan ramai

UM, 1 Okt
2021_18

KUANTAN – Batu landak atau *bezoar stone* yang terdapat dalam badan landak antara yang menjadi buruan orang ramai kerana ia dipercayai mampu mengubati diabetes, denggi dan barah.

Batu yang dikenali sebagai batu geliga dalam kalangan masyarakat Melayu itu hanya terdapat dalam sebilangan kecil landak 'bertuah' menyebabkan ia menjadi rebutan.

Difahamkan juga saiz geliga yang biasanya sebesar ibu jari itu boleh dijual hingga mencecah harga ribuan ringgit dan menjadi antara herba ubatan bagi pengamal tradisional Cina.

Kebiasaannya batu yang berada dalam sistem pencernaan landak berkenaan dihancurkan dan dijadikan serbuk untuk ditelan dengan cara mencampurkannya dengan minuman.

Pensyarah Fakulti Sains dan Sekitaran Marin Universiti Malaysia Terengganu, Prof. Madya Chong Ju Lian berkata, meski-

pun tidak dapat dibuktikan secara saintifik kerana kekurangan kajian, masih ramai yang dipercayai khasiat dan potensi haiwan itu dalam perubahan.

"Banyak kepercayaan mengenai khasiat landak misalnya *bezoar stone* yang merupakan bahan berunsur tumbuhan yang tidak hancur dalam sistem pencernaan landak dipercayai dapat melegakan sakit diabetes, denggi dan barah.

"Bagaimanapun, kajian saintifik masih tidak banyak dan memerlukan lebih banyak maklumat dan kajian untuk memastikan keupayaan dan khasiatnya," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Selain itu, tambahnya, keberkesanan hempedu dan daging landak juga masih belum dapat dibuktikan dalam kajian saintifik perubatan termasuklah dalam aspek tenaga dan kesuburan manusia yang sering diperkatakan.